

**PERSEPSI PENGUNJUNG TERHADAP KOLEKSI PAMERAN DI MUZIUM
NEGERI, NEGERI SEMBILAN**

NUR EZANIE BINTI CHE MAT ZIN

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

UNIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN

2023



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**PERSEPSI PENGUNJUNG TERHADAP KOLEKSI PAMERAN DI MUZIUM
NEGERI, NEGERI SEMBILAN**

OLEH:

NUR EZANIE BINTI CHE MAT ZIN

Projek Penyelidikan ini disediakan untuk memenuhi syarat kelayakan bagi
Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian

FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2023

PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

- TERBUKA** Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh).
- SEKATAN** Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah.
Dari tarikh _____ hingga _____
- SULIT** (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)*
- TERHAD** (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut :

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan Utama

Tandatangan Penyelia Utama



NUR EZANIE BINTI CHE MAT ZIN



DR. AINUL WAHIDA BINTI RADZUAN

Tarikh: 22 FEBRUARI 2023

Tarikh:

Nota * Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila kepilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan.

PENGHARGAAN

Bersyukur ke hadrat ilahi atas limpah rahmat dan kurnia-Nya ke atas nikmat masa, nyawa dan tenaga yang diberikan. Dapatlah saya menyelesaikan Projek Penyelidikan yang dijalankan oleh saya dengan jayanya. Bukan itu sahaja, Projek Penyelidikan ini juga merupakan salah satu syarat wajib yang perlu disiapkan untuk pelajar di Universiti Malaysia Kelantan memperoleh Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan dengan Kepujian sesi 2023.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Dr. Ainul Wahida Binti Radzuan selaku penyelia projek penyelidikan yang telah banyak membantu dan memberikan dorongan kepada saya sepanjang menyelesaikan kajian ini. Segala usaha keras dan penat Lelah beliau dalam membantu saya amat saya hargai dan semoga Allah s.w.t. yang merahmati dan membalas budi baik beliau terhadap saya.

Selain itu, saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada ahli keluarga saya terutamanya kepada ibu saya iaitu Maridah Binti Ujang serta ahli keluarga yang memberikan sokongan dari segi mental dan fizikal. Tidak dilupakan juga rakan-rakan seperjuangan yang turut membantu saya menyiapkan projek penyelidikan ini secara langsung mahupun tidak langsung serta memberikan idea semasa menyiapkan kajian ini dengan jayanya.

Seterusnya, saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada para informan dan responden yang sudi meluangkan masa mereka untuk memberikan maklumat yang saya perlukan bagi projek penyelidikan ini. Semua jasa anda tidak mampu saya balas dan semoga Allah memudahkan segala urusan kalian dalam setiap langkah yang dtimpa.

PERSEPSI PENGUNJUNG TERHADAP KOLEKSI PAMERAN DI MUZIUM NEGERI, NEGERI SEMBILAN

ABSTRAK

Muzium adalah tempat pengunjung merasai dan berinteraksi dengan setiap koleksi pameran yang dipamerkan. Namun, segelintir orang tidak berminat untuk melawat muzium tersebut kerana pamerannya statik dan terlalu tradisional. Justeru, kajian ini bertujuan untuk memahami persepsi pengunjung terhadap koleksi pameran Muzium Negeri, Negeri Sembilan. Kajian ini mempunyai tiga objektif utama iaitu mengenal pasti koleksi pameran di Muzium Negeri, Negeri Sembilan, untuk menyiasat persepsi pengunjung terhadap koleksi pameran di Muzium Negeri, Negeri Sembilan, dan untuk mengkaji penglibatan pengunjung dalam aktiviti yang disediakan di Muzium Negeri, Negeri Sembilan. Kajian ini menggunakan kaedah campuran, menggabungkan data kualitatif dan kuantitatif. Seorang responden dari Muzium Negeri telah ditemu bual, manakala 148 responden menjawab soal selidik. Kajian ini menghasilkan beberapa tema, antaranya konsep pameran, koleksi muzium, pelawat dan aktiviti, pemasaran dan keusahawanan, cabaran yang dihadapi oleh muzium dan tugas pekerja muzium. Dapatan kajian ini menunjukkan koleksi pameran menyediakan maklumat sejarah kepada pengunjung. Kajian ini penting dalam memberikan maklumat dan kepakaran kepada profesional muzium dan pihak berkepentingan mengenai koleksi pameran.

Kata kunci: Pelawat, Persepsi, Koleksi, Muzium Negeri.

VISITORS' PERCEPTION ON THE EXHIBITION COLLECTION AT THE STATE MUSEUM, NEGERI SEMBILAN

ABSTRACT

A museum is a place for visitors to experience and interact with each exhibition collection on display. However, some people are not interested in visiting the museum because the exhibits are static and too traditional. Hence, this research aims to understand visitors' perception of the State Museum, Negeri Sembilan exhibition collection. This study has three main objectives: to identify the exhibition collection in the State Museum, Negeri Sembilan, to investigate the perception of visitors towards the exhibition collection in the State Museum, Negeri Sembilan, and to examine the involvement of visitors in the activities provided at the State Museum, Negeri Sembilan. This study employs a mixed method, combining qualitative and quantitative data. A respondent from the State Museum was interviewed, while 148 respondents answered the questionnaires. This study produced a number of themes, including the exhibition concept, museum collections, visitors and activities, marketing and entrepreneurship, challenges faced by museums and the duties of museum workers. The findings of this study indicate that the exhibition collection provides visitors with historical information. This study is crucial in providing information and expertise to museum professionals and stakeholders regarding exhibition collections.

Keywords: Visitor, Perception, Collection, State Museum.

ISI KANDUNGAN

BAB 1	PENDAHULUAN	HALAMAN
1.0	Pengenalan	1
1.1	Lokasi Kajian	3
1.2	Permasalahan kajian	4
1.3	Persoalan Kajian	6
1.4	Objektif Kajian	6
1.5	Skop Kajian	7
1.6	Kepentingan Kajian	8
	1.6.1 Individu	8
	1.6.2 Masyarakat	8
	1.6.3 Institusi	8
1.7	Struktur Penyelidikan	9
BAB 2	KAJIAN LITERATUR	HALAMAN
2.0	Pengenalan	10
2.1	Definisi	10
	2.1.1 Definisi Muzium	10
	2.1.2 Definisi Warisan	11
2.2	Jenis Muzium	12
2.3	Muzium Negeri, Negeri Sembilan	13
2.4	Koleksi Pameran	14
	2.4.1 Jenis Pameran	15
	2.4.1.1 Pameran Kontemplatif	16

	2.4.1.2 Pameran Didaktik	16
	2.4.1.3 Pameran Pembinaan Semula	16
	2.4.1.4 Pameran Berkumpulan	16
	2.4.1.5 Pameran Penemuan	16
	2.4.1.6 Pameran Stor Yang Dilihat	17
2.5	Teori Persepsi	17
2.6	Rumusan	18

BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	HALAMAN
3.0	Pengenalan	19
3.1	Pendekatan Kajian: Kaedah Campuran (Mixed Method)	19
3.2	Sumber Data	20
	3.2.1 Sumber Data Primer	20
	3.2.2 Sumber Data Sekunder	21
	A. Kajian Perpustakaan	21
	B. Kajian Internet	21
3.3	Kaedah Kajian	21
	3.3.1 Temu Bual	22
	3.3.2 Pemerhatian	22
	3.3.3 Soal Selidik	22
3.4	Pensampelan Kajian	23
	3.4.1 Pensampelan Kajian: Kaedah Kuantitatif	23
	3.4.2 Pensampelan Kajian: Kaedah Kualitatif	23
	3.4.2.1 Pensampelan bola salji (<i>snowball sampling</i>)	24
	3.4.2.2 Pensampelan bertujuan (<i>purposeful sampling</i>)	24
3.5	Saiz Populasi: Kaedah Kuantitatif	25
3.6	Analisis Kajian	25

3.6.1	Analisis Kajian: Analisis Tematik	25
	A. Membiasakan diri dengan data	26
	B. Menjaga Kod Permulaan	27
	C. Mencari Tema	27
	D. Menyemak Potensi Tema	28
	E. Menentukan dan Menamakan Tema	28
	F. Menghasilkan Laporan	29
3.6.2	Analisis Kajian: Analisis Deskriptif	29
3.7	Limitasi Kajian	30
3.8	Rumusan	31
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	HALAMAN
4.1	Pengenalan	32
4.2	Pengurusan dan Koleksi Pameran	33
	A. Konsep Pameran	33
	B. Koleksi Pameran	33
	C. Pengunjung dan Aktiviti	39
	D. Pemasaran dan Keusahawanan	40
	E. Cabaran yang dihadapi oleh muzium	40
	F. Tugas-tugas Pekerja Muzium	41
4.3	Demografi Responden	42
	A. Jantina Responden	42
	B. Umur Responden	43
	C. Pekerjaan Responden	44
	D. Responden Mengikut Negeri	45
	E. Responden Mengikut Bangsa	46
	F. Responden Mengikut Status Perkahwinan	47
4.4	Pengetahuan Responden Terhadap Muzium Negeri	48
	A. Pengetahuan Responden Mengenai Kewujudan Muzium Negeri, Negeri Sembilan	48
	B. Pengetahuan Responden Mengenai Susun Atur Koleksi Pameran di Muzium Negeri, Negeri Sembilan	49
4.5	Persepsi Pengunjung Terhadap Koleksi Pameran di Muzium	49

	Negeri, Negeri Sembilan	
	A. Persepsi Pengunjung Terhadap Koleksi Pameran	50
	B. Persepsi Pengunjung Terhadap Susun Atur dan Pencahayaannya	52
	C. Persepsi Pengunjung Terhadap Maklumat yang Dipamerkan di dalam Muzium Negeri, Negeri Sembilan	54
4.6	Penglibatan Pengunjung Terhadap Aktiviti yang Disediakan di Muzium Negeri, Negeri Sembilan	56
4.5	Rumusan	
BAB 5	KESIMPULAN DAN CADANGAN	HALAMAN
5.0	Pengenalan	58
5.1	Rumusan Bab	58
5.2	Dapatan Utama	60
5.3	Cadangan	61
RUJUKAN		62

SENARAI RAJAH

RAJAH	HALAMAN
Rajah 1.1: Peta lokasi Muzium Negeri	3
Rajah 3.1: Transkrip Temu Bual	26
Rajah 3.2: Proses Mencari Tema	27
Rajah 3.3: Proses Menentukan Tema	28
Rajah 4.1: Pedang Samurai	34
Rajah 4.2: Seramik	35
Rajah 4.3: Basikal Zaman Jepun	36
Rajah 4.4: Cap Mohor Diraja	37
Rajah 4.5: Manuskrip Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957	38
Rajah 4.6: Manuskrip Perjanjian Sempadan Selangor-Sungei Ujong	39

SENARAI JADUAL

JADUAL	HALAMAN
Jadual 4.1: Responden Mengikut Jantina	42
Jadual 4.2: Responden Mengikut Umur	43
Jadual 4.3: Responden Mengikut Pekerjaan	44
Jadual 4.4: Responden Mengikut Negeri	45
Jadual 4.5: Responden Mengikut Bangsa	46
Jadual 4.6: Responden Mengikut Status Perkahwinan	47
Jadual 4.7: Pengetahuan Responden Mengenai Kewujudan Muzium Negeri	48
Jadual 4.8: Pengetahuan Responden Mengenai Susun Atur Koleksi Pameran	49
Jadual 4.9: Persepsi Pengunjung Terhadap Koleksi Pameran	50
Jadual 4.10: Persepsi Pengunjung Terhadap Susun Atur dan Pencahayaan	52
Jadual 4.11: Persepsi Pengunjung Terhadap Maklumat yang Dipamerkan di dalam Muzium	54
Jadual 4.12: Penglibatan Pengunjung Terhadap Aktiviti yang Disediakan di Muzium Negeri	56

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Salah satu usaha untuk mengekalkan budaya bangsa, khazanah warisan, dan juga sejarah pada zaman yang di lingkari kemajuan sains dan teknologi ini, adalah melalui kewujudan muzium. Dewasa ini, imej dan organisasi muzium banyak direvolusikan dengan penggunaan teknologi maklumat serta komunikasi. Othman Yatim (2005), di dalam kajiannya mendefinisikan muzium sebagai sebuah kompleks atau bangunan yang mempamerkan sejarah, seni, dan sains di mana objek dan bahan pameran digunakan untuk dipamerkan dan dipelajari. Kesemua koleksi-koleksi yang mempunyai nilai, menjadi bukti kepada negara mengenai sesuatu peristiwa atau sejarah yang telah berlaku. Jalal et.al (2019) menyatakan, muzium juga berfungsi sebagai tempat untuk dijadikan rujukan dan juga tempat untuk dijadikan penyelidikan.

Sejajar dengan arus kemajuan dan globalisasi, institusi muzium memainkan fungsi dan peranannya untuk terus berkembang berpaksikan kekuatan koleksi dan nilai sejarahnya. Pendekatan pemasaran adalah faktor yang boleh meningkatkan jumlah pengunjung ke muzium. Menurut Falk dan Dierking (2011) dalam kajiannya mendapati, majoriti pelawat yang berkunjung ke muzium adalah pada hari cuti dan hujung minggu bagi memenuhi waktu terluang mereka. Mereka juga menyatakan majoriti pengunjung adalah dari kalangan kanak-kanak yang mengunjungi muzium bagi memenuhi aktiviti yang dilakukan oleh pihak sekolah.

Seterusnya, identiti muzium adalah penting dalam setiap pembangunan muzium. Hal ini dikatakan kerana, setiap program yang dianjurkan oleh pihak muzium dapat menarik

minat pelawat untuk berkunjung. Ambrose dan Paine (2018) merumuskan, program-program yang dianjurkan oleh pihak muzium dapat memberikan kesinambungan dan identiti dalam setiap nilai budaya sesebuah masyarakat itu. Menurut Dean (2002) pula, muzium merupakan sebuah bank memori budaya, di mana muzium banyak menyimpan koleksi-koleksi pameran yang berkaitan dengan sejarah masa dahulu yang setara dengan masyarakat manusia di dunia. Oleh itu, muzium telah menunjukkan peningkatan yang ketara dalam penjagaan dan penggunaan dalam bidang pameran koleksi pameran di mana tahap pengetahuan dalam muzium sentiasa berkembang dalam koleksi pamerannya.


Sejak akhir-akhir ini, penularan wabak COVID-19 menjadi satu krisis global yang memberikan impak negatif kepada semua pihak sama ada individu, syarikat, sektor kerajaan, pihak muzium dan juga kepada negara. Bagi mengurangkan penularan wabak COVID-19 ini, pihak kerajaan mengambil langkah yang lebih drastik iaitu dengan menutup sempadan dan juga laluan perjalanan antarabangsa. Oleh itu, muzium tidak dapat untuk beroperasi secara biasa dan telah memberikan kesan kepada pihak muzium. Hal ini disokong oleh Kasim (2021) di dalam kajiannya di mana beliau menyatakan pada tahun 2020, kesemua muzium di seluruh negeri terpaksa menunda dan membatalkan segala program atau aktiviti-aktiviti muzium disebabkan oleh penularan wabak COVID-19.

UNIVERSITI
MALAYSIA

KELANTAN

1.1 Lokasi Kajian

Kajian yang dijalankan oleh pengkaji terletak di Muzium Negeri, Negeri Sembilan. Rajah 1.1 menunjukkan peta lokasi kajian. Muzium ini beralamat di Lembaga Muzium Negeri Sembilan, Jalan Sungai Ujong, 70200 Seremban, Negeri Sembilan. Muzium ini berhampiran dengan Lebuhraya PLUS. Muzium Negeri, Negeri Sembilan ini di bawah mukim Ampangan dan daerah Seremban. Kedudukan Muzium Negeri ini sangat strategik kerana berhampiran dengan bandar-bandar utama seperti Seremban, Kuala Lumpur dan juga Melaka. Tambahan pula, bersebelahan dengan bangunan muzium utama, terdapatnya bangunan istana yang kelihatan menarik dan seni binanya sangat tradisional. Bangunan itu dikenali sebagai Istana Ampang Tinggi. Jarak antara Muzium Negeri, Negeri Sembilan ke Pusat Bandar Kuala Lumpur adalah 63 kilometer yang mengambil masa selama satu jam 14 minit untuk sampai ke destinasi tersebut.



Rajah 1.1: Peta Lokasi Kajian Muzium Negeri, Negeri Sembilan.

Sumber: Peta Google.

1.2 Permasalahan Kajian

Muzium merupakan sebuah organisasi yang tidak mementingkan keuntungan. Pernyataan ini disokong oleh Ritchie (2003), di mana beliau menyatakan muzium merupakan tempat untuk mendapatkan pendidikan, pembelajaran, ekopelancongan dan juga warisan. Era digital memberikan anjakan paradigma kepada koleksi pameran muzium dan koleksinya, bagi menarik minat pengunjung untuk berkunjung ke muzium.

Pada era globalisasi ini, terdapat banyak cabaran yang dihadapi oleh pihak muzium Malaysia, bagi menarik minat pengunjung. Menurut Ser (2020), kekangan kewangan, kaedah penyelenggaraan yang lemah, kaedah pameran statik dan juga terlalu tradisional menjadi faktor kurangnya bilangan pelawat yang mengunjungi ke muzium. Tambahnya lagi, ketiadaan karya agung, strategi pemasaran dan promosi yang kurang berkesan juga menjadi faktor penolak kepada kurangnya bilangan pengunjung ke muzium. Hal ini juga disokong oleh Gilmore et.al. (2002), di mana mereka menyatakan teknik pemasaran dan pameran yang berkesan berjaya menarik minat pengunjung. Ambrose dan Paine (2018) juga mengatakan jumlah pengunjung yang berkunjung ke muzium adalah daripada pelbagai peringkat usia, dan berubah mengikut jenis pameran yang sedang dipamerkan. Christian (2006), pula mengatakan tanpa pelawat dan ruang pameran, sesebuah muzium dilihat kosong tanpa tujuan dan tidak bermaya.

Persepsi pengunjung terhadap bahan pameran juga penting. Menurut Ambrose dan Paine (2018), pelawat yang hadir ke muzium mempunyai tahap pendidikan yang berbeza di mana terdapat pelawat yang arif tentang sesuatu koleksi pameran begitu juga sebaliknya. Ini kerana bentuk peribadi pelawat yang berkunjung adalah berbeza-beza. Falk dan Dierking (2011) melalui kajian yang dilakukan di Sweden pula menyatakan golongan yang

berlatar belakang sosioekonomi yang rendah lebih cenderung untuk melawat muzium yang popular sahaja. Hal disebabkan kekangan kewangan dan juga masa. Oleh itu sebuah kajian ini dijalankan untuk mengkaji persepsi pengunjung dan penglibatan pengunjung terhadap koleksi pameran yang dipamerkan di Muzium Negeri, Negeri Sembilan.



1.3 Persoalan Kajian

Kajian tentang persepsi pengunjung terhadap koleksi pameran dan aktiviti di Muzium Negeri, Negeri Sembilan dilihat telah menimbulkan beberapa aspek yang menjadi persoalan dalam kajian ini, dimana aspek-aspek itu ialah;

1. Apakah koleksi pameran yang terdapat di Muzium Negeri, Negeri Sembilan?
2. Bagaimanakah persepsi pengunjung terhadap koleksi pameran di Muzium Negeri, Negeri Sembilan?
3. Bagaimanakah penglibatan pengunjung terhadap aktiviti yang disediakan di Muzium Negeri, Negeri Sembilan?

1.4 Objektif Kajian

Kajian terhadap persepsi pengunjung terhadap koleksi pameran dan aktiviti di Muzium Negeri, Negeri Sembilan ini melibatkan tiga objektif iaitu:

1. Mengenal pasti koleksi pameran yang terdapat di Muzium Negeri, Negeri Sembilan.
2. Mengkaji persepsi pengunjung terhadap koleksi pameran di Muzium Negeri, Negeri Sembilan.
3. Mengkaji penglibatan pengunjung terhadap aktiviti yang disediakan di Muzium Negeri, Negeri Sembilan.

1.5 Skop Kajian

Kajian ini lebih membataskan kepada kajian secara terperinci mengenai “Persepsi Pengunjung Terhadap Koleksi Pameran di Muzium Negeri, Negeri Sembilan”. Melalui kajian ini, pengkaji mengenalpasti pameran yang terdapat di Muzium Negeri, Negeri Sembilan. Kajian ini turut mengkaji persepsi pengunjung terhadap koleksi pameran. Selain itu, kajian ini juga mengkaji penglibatan pengunjung terhadap aktiviti yang disediakan di Muzium Negeri, Negeri Sembilan. Daripada aspek lokasi kajian, kajian ini tertumpu kepada pengunjung Muzium Negeri, di Negeri Sembilan. Pengkaji telah memilih Muzium Negeri ini bagi membantu pengkaji untuk mengumpulkan maklumat dan data-data mengenai persepsi pengunjung di Muzium Negeri, Negeri Sembilan.

Seterusnya, kajian ini menggunakan data primer iaitu kaedah temu bual bersemuka, soal selidik dan pemerhatian secara langsung. Di samping itu, pengkaji juga menggunakan data sekunder seperti sumber internet dan sumber perpustakaan seperti buku, jurnal dan artikel. Pendekatan kajian yang digunakan adalah kaedah campuran di mana pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif dan kuantitatif.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian yang dijalankan oleh pengkaji adalah penting kerana Muzium Negeri, Negeri Sembilan merupakan salah sebuah muzium yang berada di tengah-tengah bandar Seremban. Selain itu, Muzium Negeri, Negeri Sembilan juga merupakan muzium yang mempunyai seni bina yang tradisional seperti bumbung Minangkabau bagi mengekalkan warisan Negeri Sembilan itu tersendiri.

1.6.1 Individu

Kajian mengenai persepsi pengunjung terhadap koleksi pameran di Muzium Negeri, Negeri Sembilan adalah penting untuk menambah ilmu pengetahuan kepada seseorang individu bagi memastikan bahawa muzium merupakan tempat pendidikan dan juga tempat mengumpul maklumat berkaitan dengan sejarah terdahulu. Kajian ini seterusnya juga dapat meningkatkan minat individu untuk mengunjungi muzium.

1.6.2 Masyarakat

Selain itu, kajian ini juga penting kepada masyarakat setempat. Hal ini kerana, dengan adanya bangunan muzium yang mempamerkan koleksi-koleksi pameran di muzium tersebut dapat menarik minat masyarakat setempat untuk berkunjung, malah masyarakat juga dapat mengenali pelbagai koleksi pameran yang disediakan di Muzium Negeri, Negeri Sembilan. Seterusnya, masyarakat juga dapat mengetahui serba sedikit maklumat tentang sejarah-sejarah yang dipamerkan di dalam muzium Negeri, Negeri Sembilan itu.

1.6.3 Institusi

Seterusnya, kajian ini juga amat penting untuk pelbagai institusi yang terdapat di dalam Malaysia mahupun di luar. Kajian ini dapat dijadikan sebagai rujukan kepada mana-mana

pihak. Terutamanya menambah bilangan makalah penyelidikan di institusi pendidikan dan Muzium Negeri Sembilan.

1.7 Struktur Penyelidikan

Projek penyelidikan ini terbahagi kepada lima bab. Bab pertama adalah mengenai pengenalan kajian. Diikuti pula bab dua yang menunjukkan beberapa sorotan kajian lepas. Kajian lepas yang digunakan adalah mengikut susunan tema mengenai persepsi pengunjung terhadap koleksi pameran di Muzium Negeri, Negeri Sembilan. Dalam bab dua juga terdapat penggunaan teori yang dikenali sebagai teori persepsi. Seterusnya, bab tiga adalah tentang metodologi kajian. Dalam bab tiga ini membincangkan tentang kaedah yang digunakan bagi mencari maklumat mengenai kajian. Kajian ini menggunakan kaedah campuran dengan menemubual kurator muzium dan mendedarkan borang soal selidik kepada 148 pengunjung. Analisis tematik dan deskriptif digunakan untuk meneliti semua data. Selain itu, bab empat adalah hasil dapatan kajian. Dalam bab ini membincangkan tentang data yang diproses setelah kerja lapangan dilakukan. Data diperoleh adalah mengikut objektif kajian. Tambahan pula, terdapat juga pecahan tema baharu yang dibuat setelah proses transkrip dilakukan. Akhir sekali, bab lima yang membincangkan tentang rumusan mengenai persepsi pengunjung terhadap koleksi pameran di Muzium Negeri, Negeri Sembilan serta cadangan terhadap koleksi pameran di Muzium Negeri, Negeri Sembilan.

BAB DUA

KAJIAN LITERATUR

2.0 Pengenalan

Bab ini membincangkan dengan lebih terperinci mengenai persepsi pengunjung terhadap pameran koleksi di Muzium Negeri, Negeri Sembilan. Bab ini membincangkan mengenai definisi muzium dan definisi warisan. Selain itu, bab ini juga menghuraikan jenis-jenis muzium, sejarah muzium negeri, Negeri Sembilan, dan juga pameran koleksi yang terdapat dalam muzium ini. Akhir sekali, bab ini menjelaskan mengenai muzium dan teori yang diaplikasikan di dalam kajian. Kajian ini juga menggunakan teori persepsi bagi membincangkan kajian mengenai persepsi pengunjung di Muzium Negeri, Negeri Sembilan.

2.1 Definisi

2.1.1 Definisi Muzium

Di Malaysia, muzium merupakan sekolah bergambar kerana muzium memiliki gambar-gambar bersejarah yang dipamerkan di dalam muzium selain artifak dan arkeologi. Selain itu, muzium juga membentuk dan membangunkan sesebuah masyarakat dan negara (Muzium Negeri Terengganu, 2022). Manakala, menurut Goode (1895) muzium juga merupakan sebuah institusi yang memelihara artifak-artifak untuk meningkatkan pengetahuan dan untuk budaya bagi memberi pencerahan kepada rakyat.

Manakala, menurut *Museum Association* (1984) pula, muzium merupakan sebuah institusi yang mengumpul dan mendokumentasi info dan rekod sejarah, mengawet serta mempamerkan dan juga mentafsir bahan-bahan bukti. Semua

maklumat yang terdapat di dalam muzium dan juga maklumat yang berkaitan dengan koleksi-koleksi di dalam muzium disimpan sebagai rujukan untuk kegunaan di masa depan. Selain itu, muzium juga dikatakan sebuah institusi yang kekal yang ditubuhkan untuk kepentingan sosial dan juga institusi yang tidak mencari keuntungan melalui perkhidmatannya kepada masyarakat dan juga negara.

Di samping itu, *International Council of Museums (ICOM)* mendefinisikan muzium sebagai bukan tempat untuk mencari keuntungan. Malah muzium merupakan tempat untuk dikunjungi oleh orang ramai untuk memperoleh, memelihara, memulihara, menyelidik dan berkomunikasi. Selain itu muzium juga adalah tempat yang sesuai sebagai rujukan untuk melakukan sesuatu kajian dan penyelidikan.

2.1.2 Definisi Warisan

Warisan telah di definisikan oleh Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat (2007), sebagai sesuatu benda atau perkara yang disampaikan atau diterima daripada generasi atau kelompok masyarakat terdahulu, di mana ia boleh menggambarkan dan mengait memori mengenai cara dan ketamadunan kehidupan sesuatu bangsa ketika itu. Malah, ini juga turut disokong oleh Akta Harta Benda Purba (1976), mengatakan bahawa warisan merupakan peninggalan turun-temurun dari segi buatan manusia ataupun semula jadi yang nampak mahupun tidak nampak. Di samping itu, warisan juga merupakan hasil perbuatan orang terdahulu yang akhirnya menjadi kegunaan dan berguna untuk masyarakat kini. Di mana ia dilihat dapat di guna pakai dalam meneruskan kehidupan kini.

Beberapa definisi warisan telah menjelaskan bahawa warisan adalah satu peninggalan yang ditinggalkan oleh nenek moyang kita dahulu untuk diturunkan kepada generasi akan datang. Antaranya adalah seni kreatif pembuatan tangan, kesenian budaya, falsafah dan juga pemikiran untuk kegunaan generasi baharu. Oleh itu, Yusoff et al., (2011) menyatakan, warisan adalah cara kehidupan sesuatu masyarakat untuk meneruskan perjalanan kehidupan mereka yang boleh digunakan dari masa dahulu sehingga sekarang, di mana ia juga dapat mengubah mengikut situasi dan cabaran yang di hadapi dalam kehidupan

2.2 Jenis-jenis Muzium

Institusi muzium pada masa kini seperti cendawan tumbuh selepas hujan, dimana bertambahnya jumlah penubuhan muzium mengikut jenis-jenis muzium. Ini dapat meningkatkan kesedaran kepada orang ramai terhadap fungsi dan peranan muzium tersebut sejajar dengan arus globalisasi. Menurut Jabatan Muzium Malaysia (2022), muzium dibahagikan mengikut jenis-jenis pengurusan dan diklasifikasikan mengikut fungsi dan bidang sesuatu muzium itu. Kewujudan muzium berfungsi untuk memberikan pendidikan dan fakta yang tepat mengenai sejarah dan asal-usul sesuatu perkara. Ini disokong oleh Suhaimin (2015) dimana beliau berpendapat bahawa, melalui pengumpulan bahan koleksi, artifak dan pameran sesebuah muzium dapat memberi manfaat kepada masyarakat. Lakassa (2007) juga bersetuju dimana beliau menekankan pemeliharaan artifak, pengumpulan maklumat dan perancangan serta penjagaan koleksi dalam sesebuah muzium adalah penting untuk mengelakkan kecurian dan kerosakan supaya maklumat dan data yang dikumpul boleh digunakan sehingga kini oleh masyarakat.

2.3 Muzium Negeri, Negeri Sembilan

Sejarah penubuhan Muzium Negeri ini, bermula pada tahun 1953. Di mana Tuanku Abdul Rahman pada ketika itu ialah Yam Tuan ke-8 Negeri Sembilan, telah bersetuju untuk memindahkan Istana Ampang Tinggi Kuala Pilah ke sebuah tempat baru, yang dikenali sebagai Taman Bunga di Jalan Dato' Hamzah, Seremban untuk dijadikan sebagai sebuah bangunan Muzium. Malangnya, muzium di Taman Bunga Seremban ini tidak bertahan lama kerana lokasinya agak tidak strategik. Kemudian, pada tahun 1984, Muzium Negeri, Negeri Sembilan ini telah dipindahkan ke kawasan baharu iaitu di Kompleks Taman Seni Budaya, Jalan Sungai Ujong. Menurut Lembaga Muzium Negeri Sembilan (2022), pada 14 Julai 1986, YAB. Dato' Seri Utama Tan Sri Haji Mohd Isa bin Dato' Hj Samad telah mengisytiharkan bangunan Teratak Perpatih di kawasan Taman Seni Budaya sebagai Muzium Negeri dan menggantikan bangunan Istana Ampang Tinggi. Manakala, pada tahun 1996 hingga 2003, Y.Bhg. Tan Sri Dato' Haji Abdul Samad bin Idris, pengerusi Lembaga Muzium, mengisytiharkan Istana Ampang Tinggi sebagai Muzium Negeri dan dirasmikan oleh Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan yang ke-8.

Terdapat beberapa komponen di dalam Muzium Negeri, Negeri Sembilan iaitu Teratak Perpatih, Rumah Contoh Negeri Sembilan dan juga Istana Ampang Tinggi. Menurut Lembaga Muzium Negeri Sembilan (2022), Istana Ampang Tinggi, yang terletak diluar dan bersebelahan dengan bangunan Muzium Negeri, diperbuat daripada kayu dan beberapa panel yang diukir halus dengan sepasang pintu gelangsar yang berat dimana ia tidak dapat lagi dijumpai di tempat lain di Semenanjung Malaysia pada masa ini. Tambahan pula, Istana Ampang Tinggi telah dibina menghala ke sebuah sawah padi yang luas di atas permatang oleh Yam Tuan Ulin atau juga dikenali sebagai Yam Tuan Imam

yang merupakan Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan yang ke-5, yang telah memerintah Negeri Sembilan pada tahun 1861 hingga 1869.

Sehubungan dengan itu, pada tahun 1953, bangunan lama asli yang tidak beratap ini dibuka dan pindahkan ke Seremban dengan kebenaran Yam Tuan ke-8 iaitu Tuanku Abdul Rahman. Kemudian pada tahun 1980 pula, ia dipindahkan ke Tapak Kompleks di Taman Seni Budaya di mana bangunan ini telah menjadi sebagai tempat yang bersejarah yang wajib dikunjungi dan dilawati. Oleh hal yang demikian, menurut Lembaga Muzium Negeri Sembilan, (2022), Istana Ampang Tinggi ini telah diiktiraf sebagai Warisan Kebangsaan 2005 oleh Jabatan Warisan Negara pada 18 Februari 2013.

Bersebelahan Istana Ampang Tinggi, terdapat juga Rumah Contoh Negeri Sembilan. Rumah contoh Negeri Sembilan ini, merupakan milik Dato' Kelana Sungai Ujong iaitu Tengku Saiyed Ismail bin Tengku Saiyed Abdul Rahman dan isterinya, Cik Kunder. Sejarahnya bermula di mana rumah ini dibina oleh dua adik-beradik dari Minangkabau yang bernama Haji Syahabudin dan Kamaruddin. Pada mulanya Rumah Contoh Negeri Sembilan ini terletak di Kg Anak Air Garam, Mambau. Kemudian dipindahkan ke Taman Tasik Seremban. Menurut Tuah (2016), keistimewaan Rumah Contoh Negeri Sembilan ini adalah pada ukiran-ukirannya dan seni binanya, dimana ia dibuat menggunakan teknik pasak tanpa menggunakan sebatang paku.

2.4 Koleksi Pameran

Pameran merupakan sebuah medium untuk berinteraksi dan dapat menghubungkan masyarakat dengan institusi muzium. Selain itu, pameran juga amat penting dalam muzium. Ini kerana, pameran dapat mengekal, mengumpul dan menyebarkan pengetahuan mengenai sesuatu warisan, budaya, alam semula jadi dan sejarah di dalam negara.

Tambahan pula, pameran merupakan salah satu cara untuk berkomunikasi dengan pelawat bagi menyampaikan idea, maklumat dan juga emosi yang berkait dengan bahan pameran tersebut. Di mana dengan menggunakan kaedah visual ataupun teknik-teknik yang menarik ini dapat menarik minat dan membuat pelawat lebih faham.

Terdapat beberapa cara penyebaran pengetahuan melalui pameran. Menurut Jabatan Muzium Malaysia, (2022), penyebaran pengetahuan melalui pameran adalah melalui pameran tetap, pameran sementara, pameran khas dan juga pameran bergerak. Ambrose dan Paine (2018), menegaskan pameran merupakan sesuatu yang dipamerkan di dalam muzium adalah objek yang sebenar dan boleh dilihat melalui dengan mata kasar. Di samping itu, setiap pameran yang dipamerkan mempunyai kelebihan dan keistimewaannya tersendiri.

Sejak dahulu lagi, muzium memainkan peranan yang penting dalam mempamerkan sesuatu koleksi ataupun pameran bagi memudahkan pihak muzium untuk menyusun objek-objek yang ingin dipamerkan di tempat pameran. Justeru, setiap koleksi dan juga pameran mempunyai kepentingan dan mesti disahkan terlebih dahulu oleh pihak muzium sebelum dipamerkan kepada pelawat. Menurut Macdonald (2011), setiap koleksi yang dipamerkan di dalam muzium mempunyai jangka hayat yang berbeza. Ini kerana, terdapat juga koleksi ataupun pameran yang disimpan dalam jangka masa yang pendek atau panjang untuk dipamerkan dalam muzium.

2.4.1 Jenis Pameran

Penerbitan bahan-bahan koleksi pameran sebagai daya tarikan pengunjung dapat membuka mata pengunjung untuk melawat muzium. Ini kerana, muzium dianggap sebagai institusi pembelajaran dan pendidikan, dan berfungsi sebagai pusat

penyebaran maklumat mengikut jenis-jenis pameran yang disediakan di setiap muzium. Menurut Ambrose dan Paine (2018), jenis pameran boleh dibahagikan kepada;

2.4.1.1 Pameran Kontemplatif

Pameran kontemplatif, kebiasaannya digunakan oleh muzium seni untuk mempamerkan kecantikan sesuatu pameran supaya pengunjung terpesona dan tertarik untuk mengunjungi ke muzium.

2.4.1.2 Pameran Didaktik

Pameran didaktik kebiasaannya digunakan oleh muzium sejarah untuk menceritakan atau memberi maklumat kepada pengunjung melalui penceritaan.

2.4.1.3 Pameran Pembinaan Semula

Pameran pembinaan semula kebiasaannya seperti peninggalan kubu-kubu yang bangunkan semula dan dijadikan muzium.

2.4.1.4 Pameran Berkumpulan

Pameran berkumpul merupakan pameran yang sering digunakan di semua jenis muzium. Sebagai contoh, Muzium yang mempunyai bahagian seperti bilik bilik khas untuk koleksi pameran yang tidak boleh dicampur.

2.4.1.5 Pameran Penemuan

Pameran penemuan ini merupakan pameran dimana, setiap koleksi pameran tidak disusun mengikut urutan kronologi atau tematik. Pameran penemuan ini juga tidak mempunyai teks atau label untuk menyediakan konteks dan maklumat pada pengunjung.

2.4.1.6 Pameran Stor yang boleh dilihat

Pameran stor yang boleh dilihat ini adalah dimana pihak muzium meletakkan sebanyak mungkin koleksi-koleksi pameran untuk dipamerkan kepada pengunjung. Bukan hanya menyimpan koleksi-koleksi tanpa mempamerkan kepada pengunjung.

2.5 Teori Persepsi

Fish (2010) menjelaskan bahawa teori datum deria klasik telah dikritik sama ada tumpuannya pada lampu dan warna, tampalan dan corak dapat menangkap dengan secukupnya fenomenologi pengalaman visual yang kaya. Walau bagaimanapun, Firth telah membangunkan cara alternatif untuk menambahkan Prinsip Perwakilan kepada teori datum deria klasik yang beliau panggil sebagai teori persepsi. Hal ini kerana terdapat perbezaan antara teori persepsi dengan teori teras deria iaitu kesedaran persepsi tentang kualiti yang masuk akal seperti warna dan bentuk dapat dikesan melalui pengesanan data deria dan kesedaran persepsi tentang kualiti.

Selain itu, persepsi juga adalah proses untuk mengetahui atau mengenali sesuatu objek dengan bantuan seluruh pancaindera yang terdapat pada manusia. Di mana seseorang akan menerima rangsangan dari luar dengan penuh kesedaran kemudian berusaha untuk memahami serta menginterpretasikan rangsangan kepada makna yang boleh seseorang fahami (Grafiyana, 2015).

2.6 Rumusan

Rumusannya, sorotan kajian dalam bahagian dua ini amat penting dalam kajian ini untuk menyelesaikan kajian pada bahagian ini. Tambahan pula, dalam bahagian ini, kajian lepas dapat membantu kajian ini untuk diselesaikan dan dijadikan rujukan dalam kajian ini. Hal ini kerana, dalam bahagian sorotan kajian ini, kajian ini dapat memastikan bahawa segala maklumat yang digunakan adalah sumber yang sahih

BAB TIGA

METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pengenalan

Bab ini menerangkan mengenai kaedah kajian yang digunakan untuk menjalankan kajian mengenai persepsi pengunjung terhadap koleksi pameran di Muzium Negeri, Negeri Sembilan. Kajian ini dijalankan untuk menjelaskan lebih mendalam dan terperinci mengenai kaedah yang digunakan dalam metodologi kajian. Pengkaji menggunakan kaedah kuantitatif dalam kajian ini bagi mencapai objektif kajian pengkaji. Melalui kaedah kuantitatif, pengkaji menggunakan soal selidik untuk mengumpulkan maklumat responden yang dapat memberikan maklum balas dan pandangan terhadap koleksi pameran di Muzium Negeri, Negeri Sembilan. Selain itu, pengkaji juga menggunakan pensampelan bertujuan dan pensampelan bola salji. Bagi analisis data, pengkaji menggunakan kaedah analisis deskriptif dan juga analisis tematik.

3.1 Pendekatan Kajian: Kaedah Campuran (*Mixed Method*)

Pendekatan kajian membolehkan pengkaji menjalankan kajian ini dengan lebih terperinci untuk mendapatkan data bagi mencapai kepada objektif kajian. Pengkaji menggunakan pendekatan campuran iaitu pendekatan kualitatif dan pendekatan kuantitatif bagi mengumpulkan data dalam kajian persepsi pengunjung terhadap koleksi pameran di Muzium Negeri, Negeri Sembilan.

Creswell (2014) menyifatkan pendekatan kualitatif melibatkan kaedah seperti temu bual, pemerhatian dan sebagainya. Pendekatan kualitatif juga melibatkan reka bentuk etnografi dan juga pemerhatian tingkah laku

Selain itu, kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dalam menyempurnakan kajian berkaitan persepsi pengunjung terhadap koleksi pameran di Muzium Negeri, Negeri Sembilan. Pendekatan kuantitatif melibatkan kebolehpercayaan dan juga objektiviti. Kaedah kuantitatif dicirikan dengan tiga peringkat asas untuk mencari pembolehubah untuk konsep, memanipulasinya dalam penyelidikan dan mengukurnya. Creswell, (2014) menyatakan pendekatan kuantitatif terdiri daripada pengumpulan data yang diperolehi daripada soal selidik atau tinjauan dan senarai semakan ukuran prestasi menggunakan ujian pencapaian. Selain itu, Creswell juga menyatakan kaedah kuantitatif melibatkan beberapa proses mengumpul, kemudian menganalisis, mentafsir dan akhirnya menulis hasil kajian.

3.2 Sumber Data

Maklumat yang diperolehi daripada penyelidikan ini dapat dibahagikan kepada data primer dan data sekunder. Oleh itu, kaedah pengumpulan data yang digunakan oleh pengkaji dalam mengkaji persepsi pengunjung terhadap koleksi pameran di Muzium Negeri, Negeri Sembilan adalah seperti berikut:-

3.2.1 Sumber Data Primer

Sumber data primer merupakan kaedah dalam mengumpulkan data dengan menggunakan kaedah tinjauan, temu bual dan pemerhatian. Pengkaji akan mendapat dapatan pengumpulan data yang tepat kerana pengkaji terlibat secara langsung dalam menemu bual responden yang dipilih bagi mendapat maklumat secara terperinci berkaitan persepsi pengunjung di Muzium Negeri, Negeri Sembilan.

3.2.2 Sumber Data Sekunder

Data sekunder didefinisikan oleh Marican (2005), sebagai kaedah penyelidikan yang menggunakan data yang sedia ada, di mana data sekunder merupakan data yang telah dikumpul dan diolah daripada sumber data primer yang telah dijalankan oleh pengkaji lain.

A. Kajian Perpustakaan

Perpustakaan didefinisikan sebagai gedung atau ruangan yang dalamnya mempunyai sekumpulan koleksi bahan pustaka. Menurut Tambunan (2013), perpustakaan merupakan tempat maklumat yang merangkumi kegiatan seperti menghimpun, mengolah untuk dimanfaatkan oleh masyarakat. Oleh itu, perpustakaan bersifat universal kerana ada di mana-mana dan memiliki tujuan yang sama dalam hal-hal yang tertentu.

B. Kajian Internet

Menurut Rahayu et al, (2013), internet merupakan sebuah sistem komunikasi yang bersifat global di mana ia menghubungkan komputer dan jaringan-jaringan di seluruh dunia melalui alam maya, juga sebagai tanpa batas budaya, untuk menyebarkan dan mendapatkan maklumat

3.3 Kaedah Kajian

Kaedah kajian merujuk kepada cara untuk mendapatkan maklumat dan mengumpul data berdasarkan tajuk kajian. Oleh itu, beberapa kaedah kajian telah digunakan untuk mendapatkan data mengenai persepsi pengunjung terhadap koleksi pameran di Muzium

Negeri, Negeri Sembilan. Kajian ini menggunakan kaedah temu bual, pemerhatian dan kaedah soal selidik dalam kajian ini.

3.3.1 Temu Bual

Temu bual merupakan kaedah pendekatan kualitatif. Dalam temu bual ini, pengkaji menggunakan temu bual separa berstruktur bersama responden untuk mendapatkan maklum balas yang berkaitan dengan objektif kajian pengkaji. Oleh itu, pengkaji turut melibatkan diri berinteraksi dengan kurator Muzium Negeri, Negeri Sembilan bagi mendapatkan maklumat mengenai koleksi-koleksi pameran yang dipamerkan di dalam Muzium Negeri.

3.3.2 Pemerhatian

Peggs et al., (2013) menyatakan pemerhatian merupakan penelitian atau pemerhatian yang disengajakan untuk mendapatkan data tentang kejadian, peristiwa, proses, tindak balas, bentuk kelakuan dan hubungan. Pengkaji telah mengambil masa selama beberapa hari untuk membuat pemerhatian situasi Muzium Negeri. Di samping itu, pengkaji juga melihat buku log harian pengunjung bagi mendapatkan data-data mengenai kehadiran pengunjung ke Muzium Negeri, Negeri Sembilan pada setiap hari.

3.3.3 Soal Selidik

Soal selidik ditakrifkan sebagai satu set soalan berstruktur yang direka untuk mengumpul data yang diperlukan semasa membuat kajian. Oleh itu, pengkaji

menggunakan pendekatan ini untuk membuat tinjauan dengan mengedarkan borang soal selidik kepada 148 orang responden. Pengkaji telah menyediakan borang soal selidik dengan menggunakan skala likert bagi mengkaji persepsi pengunjung terhadap koleksi pameran yang dipamerkan di dalam Muzium Negeri, Negeri Sembilan.

3.4 Pensampelan Kajian

Pensampelan kajian menurut Creswell, (2014) merupakan kaedah untuk pengkaji melakukan penyelidikan dan membuat kesimpulan maklumat terhadap populasi tentang kajian pengkaji

3.4.1 Pensampelan Kajian: Kaedah Kuantitatif

Pengkaji memilih untuk menggunakan pensampelan kajian bertujuan (purposive sampling). Menurut Etikan et al., (2016). pengumpulan data amat penting dalam kajian ini, ini kerana data bertujuan ini adalah untuk menyumbang kepada pemahaman pengkaji.

3.4.2 Pensampelan Kajian: Kaedah Kualitatif

Pensampelan kajian adalah satu proses pemilihan sebilangan subjek dari sesuatu populasi yang akan dijadikan sebagai responden kajian. Menurut Kumar (2011), pensampelan ialah proses menentukan beberapa sampel daripada kumpulan yang lebih besar untuk dijadikan asas mengangar atau meramalkan kebiasaan sesuatu maklumat, keadaan atau hasil yang tidak diketahui. Pensampelan kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah pensampelan bukan rawak atau dikenali sebagai

bukan kebarangkalian yang sesuai digunakan untuk kaedah kuantitatif. Antara pensampelan kajian yang digunakan adalah pensampelan bola salji (*snowball sampling*) dan pensampelan bertujuan (*purposeful sampling*). Tambah Kumar, (2011) lagi, pensampelan bukan kebarangkalian digunakan apabila bilangan responden dalam populasi tidak diketahui atau tidak boleh dikenal pasti secara individu.

3.4.2.1 Pensampelan bola salji (*snowball sampling*)

Menurut Kumar (2011), pensampelan bola salji ialah proses memilih sampel menggunakan rangkaian. Shockley dan Scherbaum (2015) pula menyatakan pensampelan bola salji ini bukanlah satu kaedah khusus semata-mata, tetapi satu proses di mana elemen tambahan boleh diambil sampel sebaik sahaja sampel awal sudah didapati. Kumar (2014), menekankan lagi, jarak teknik pensampelan berguna jika pengkaji mengetahui sedikit tentang kumpulan atau organisasi yang dikaji. Pengkaji akan menghubungi beberapa individu dan mendapatkan maklumat daripada responden,

3.4.2.2 Pensampelan bertujuan (*purpose sampling*)

Dalam pensampelan bertujuan dan kuota, Shockley dan Scherbaum (2015) menyatakan elemen pensampelan dipilih secara sengaja berdasarkan pemilikan ciri-ciri yang berkaitan dengan persoalan kajian. Pengkaji akan mendapatkan maklum balas daripada responden yang mempunyai maklumat yang diperlukan oleh pengkaji. Pensampelan bertujuan ini amat berguna apabila pengkaji menjalankan kajian ini. Selain itu, menurut Kumar (2011), dalam pensampelan

bertujuan, pengkaji akan memilih bilangan responden yang telah ditetapkan untuk memberikan pengkaji maklumat yang diperlukan untuk kajian ini.

3.5 Saiz Populasi: Kaedah Kuantitatif

Bagi menetapkan saiz populasi di dalam kajian ini, pengkaji menggunakan sampling saiz kalkulator untuk mengira bilangan responden yang diperlukan. Pertama, pengkaji telah mendapatkan data pengunjung Muzium Negeri, Negeri Sembilan daripada kakitangan muzium negeri, Negeri Sembilan. Seterusnya, setelah pengkaji mendapat saiz populasi muzium, pengkaji mula membahagikan saiz populasi menggunakan kalkulator untuk menentukan bilangan responden untuk maklum balas tentang kajian ini. Oleh itu, sebanyak 148 responden telah memberi maklum balas dengan kajian ini.

3.6 Analisis Kajian

Kaedah analisis data merupakan cara atau proses yang digunakan untuk memperolehi maklumat dan informasi yang bermanfaat dalam proses penyelidikan. Di samping itu, analisis data juga adalah proses yang sistematik dalam menunjukkan hasil dapatan kajian dalam cara yang mudah untuk difahami.

3.6.1 Analisis Kajian: Analisis Tematik

Analisis tematik merupakan salah satu kaedah untuk mengenal pasti, menyusun, dan memberikan pandangan secara sistematik tentang corak makna melalui set data. Menurut Braun dan Clarke, (2012), melalui analisis tematik ini, pengkaji melihat dan memahami makna dan pengalaman mengenai kajian yang dikaji. Terdapat beberapa proses analisis data.

A. Membiasakan diri dengan data

Pada peringkat ini, pengkaji melibatkan diri seperti membaca dan membaca semula data teks seperti transkrip temu bual bersama responden. Selain itu, Braun dan Clarke (2012) menambah, mendengar rakaman audio ataupun menonton data video juga boleh digunakan bagi membiasakan diri dengan data. (Rajah 1.2)

Transkrip Temu Bual Responden	
Persepsi Pengunjung Terhadap Pameran Koleksi di Muzium Negeri, Negeri Sembilan.	
Tarikh: 13 September 2022	
Waktu: 10 am	
Kurator: Encik Aziz Bin Haji Mohd Gorip	
Tempat: Muzium Negeri, Negeri Sembilan.	
A	Bolehkah saya tahu nama encik/puan?
B	Saya Aziz Bin Haji Mohd Gorip, kurator di Lembaga Muzium Neg
A	Ok, jawatan dah sebut tadi. Kurator eh?
A	Dah berapa lama encik berkhidmat dekat sini?
B	Di Negeri Sembilan dah hamper 14 tahun.
A	Dalam jawatan encik pegang ni, apakah tugas yang encik buat dala
B	Ok di Lembaga Muzium Negeri Sembilan, saya bertanggungjawa permuziuman so dalam bahagian permuziuman ni dia ada beberapa unit pameran, dan unit Pendidikan yang kedua unit pemas keti tiga unit pameran dan yang keempat unit muzium-muzium. So tanggungjawab saya ialah pertamanya untuk merancang program-program di bawah unit-unit yang saya sebutkan tadi dan melaksanakan penyelidikan berkaitan dengan sejarah, budaya Khususnya di Negeri Sembilan dan selebihnya adalah dalam bidang untuk membuat kerja-kerja peragaan pameran, konservasi, pengur lain-lain yang diarahkan ke semasa ke semasa.
A	Saya nak teruskan soalan satu tadi boleh tak tuan cerita serba sedi ni?
A	Dalam muzium Negeri ni, dia ada berapa bangunan dan berapa ting
B	Untuk muzium Negeri yang berada di Seremban, kita dari segi bar satu dan bangunan utama ni bertempatan galeri sejarah Neg mempunyai dua tingkat. Selain daripada bangunan utama ini, ki bangun-bangunan lain yang pertamanya bangunan yang boleh Ampang Tinggi dan juga Rumah Contoh Tradisional Negeri Sem itu, kita juga ada bangunan pejabat pentadbiran dan juga pejabat be sendiri yang mana kita berada sekarang. Dimana di bahagi permuziuman ni kita juga ada sebuah bilik, kita panggil bilik tayangan yang mana kita boleh membuat aktiviti-aktiviti sepe taklimat dan sekarang nip on sedang berlangsung bengkel dan juga

Rajah 3.1: Transkrip Temu Bual Bersama Informan

B. Menjana Kod Permulaan

Seterusnya, pengkaji akan akan memulakan analisis sistematik data melalui pengekodan. Kod merupakan blok binaan analisis. Fungsi kod adalah untuk mengenal pasti dan menyediakan label untuk data-data pengkaji. Braun dan Clarke (2012) menyifatkan penggunaan kod juga boleh memberikan pengkaji untuk ringkaskan sebahagian data semasa menghuraikan kandungan data-data deskriptif.

C. Mencari Tema

Kemudian, dalam peringkat ini analisis mula terbentuk. Mencari tema merupakan merupakan proses yang aktif dalam analisis tematik. Ini kerana, menurut Braun dan Clarke, (2012) pengkaji akan menjana dan membina tema daripada kajian. (Rajah 1.3).

	<p>Sembilan. Dan seterusnya zaman protugis, dan juga zaman belanda tadi kita tak banyak sebab kita agak sukar untuk mendapatkan koleksi-koleksi yang sezaman dengan tadi cuma ada beberapa dalam bentuk poslin dan seramik kita ada pameran yang mungkin boleh tengok lah selepas sementara lagi dan kita banyak dari segi koleksinya adalah di zaman british dan sebab zaman british waktu itu kalau di Negeri Sembilan ni zaman yang dikatakan bermulanya kemaiuan jadi banyaklah peralatan-peralatan dari sudut ekonomi. Contohnya kan biji timah, peralatan-peralatan yang digunakan kemudian dokumen. Kebanyakannya dokumen dalam bentuk manuskrip dan juga dokumen yang original dan juga dalam bentuk replica dan juga gambar yang kita pameran lah. Sehingga lah sampai ke zaman selepas merdeka, kita memaparkan tentang gambar-gambar, bangunan-bangunan tempat-tempat yang menjadi mercu tanda Negeri Sembilan khususnya di daerah Seremban.</p>
A	<p>Adakah setiap koleksi yang dipamerkan ni adalah secara kekal ataupun bermusim and then macam mana tuan membuat keputusan mengenai setiap koleksi?</p>
A	<p>Sebagai muzium negeri, apakah jenis koleksi yang mewakili negeri Sembilan?</p>
B	<p>Kalau di muzium ni saya fokuskan kepada muzium negeri, Muzium negeri sahaja saya tak sebut muzium yang lain sebab saya rasa tajuk adik pon memang spesifik dekat muzium negeri. Macam saya sebutkan tadi, muzium negeri kita punya focus ialah galeri sejarah negeri Sembilan. Kalau macam di Seri Menanti, sejarah diraja. Untuk sejarah negeri Sembilan, kita ada beberapa koleksi yang kita anggap sebagai daya tarikan utama. Antaranya, ialah cap mohor. Cap mohor yang dituan besar negeri Sembilan, tuanku Muhammad, yang kedua adalah pakaian agung kita yang pertama iaitu yang Tuanku Abdul Rahman dan juga beberapa manuskrip perniagaan dan juga senjata-senjata tradisional yang digunakan oleh pembesar sewaktu ketika dahulu. Jadi inilah antara</p>

Rajah 3.2: Proses Mencari Tema

D. Menyemak Potensi Tema

Pada peringkat ini pula, pengkaji akan menyemak berkaitan data-data yang diperolehi daripada responden. Dalam fasa ini, Braun dan Clarke (2012). menyatakan pemeriksaan kualiti amat penting untuk pengkaji menyimpan seluruh data semasa menjalankan kajian ini

E. Menentukan dan Menamakan Tema

Dalam peringkat ini, pengkaji perlu menyatakan dengan jelas tentang data-data yang diperolehi daripada responden. (Rajah 1.4).

BIL	KOD/TEMA	BUTIRAN
1.	Kronologi / Fokus	<ul style="list-style-type: none"> - Beberapa unit antaranya unit pameran, unit pendidikan, unit pemasaran dan media, unit muzium-muzium. - Istana Ampang Tinggi dan juga Rumah Contoh Tradisional Negeri Sembilan - Zaman prasejarah di Negeri Sembilan diikuti dengan Zaman orang asal ataupun orang asli yang mendiami Negeri Sembilan pada suatu ketika dahulu dan seterusnya kepada zaman protugis belanda british jepun dan seterusnya zaman era selepas kemerdekaan.
2.	Bahan Koleksi	<ul style="list-style-type: none"> - Bahan dokumen - Replica - Cap mohor - Pakaian agong - Seniata - Tembaga
3.	Cabaran pemuziuman.	<ul style="list-style-type: none"> - Kurang koleksi - Permis kecil - Pandemi.

Rajah 3.3: Proses Menentukan Tema

F. Menghasilkan Laporan

Akhir sekali, pengkaji akan menghasilkan laporan. Menurut Braun dan Clarke (2012), penulisan dan analisis secara menyeluruh perlu dilakukan dalam penyelidikan kualitatif bagi memastikan laporan yang dihasilkan menarik semasa memberikan maklumat mengenai data berdasarkan analisis pengkaji.

3.6.2 Analisis Kajian: Analisis Deskriptif

Analisis deskriptif merupakan analisis statistik yang digunakan untuk menganalisis data yang ada dengan cara mendeskripsikan atau menggambarkan data yang telah terkumpul (Muhson, n.d.). Analisis deskriptif digunakan untuk memberi penelitian yang bersifat eksplorasi seperti pengkaji ingin mengetahui tentang sesuatu persepsi yang ingin dikaji.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

3.7 Limitasi Kajian

Sepanjang tempoh pelaksanaan kajian dijalankan, beberapa kekangan yang telah dihadapi oleh pengkaji. Antara kekangan utama adalah tempoh masa singkat untuk menjalankan proses pengumpulan data. Tempoh masa yang diambil untuk menjalankan proses pengumpulan data adalah selama tiga bulan di mana dalam tempoh masa tersebut, pengkaji melaksanakan kaedah pemerhatian, temu bual, tinjauan dengan menggunakan borang soal selidik. Oleh itu, tempoh yang diberikan kepada pengkaji tidak mencukupi. Hal ini kerana, pengkaji sukar untuk mendapatkan maklum balas responden dan jarak antara tempat tinggal pengkaji dengan muzium agak jauh.

Selain itu, kekangan daripada segi pengumpulan data kualitatif. Ini disebabkan kerana, pekerja muzium kurang memberikan kerjasama kepada pengkaji. Pengkaji hanya mendapatkan seramai seorang informan untuk di temu bual. Hal ini kerana, keadah temu bual perlu dijalankan kepada pekerja muzium bagi mengkaji koleksi pameran di Muzium Negeri, Negeri Sembilan. Namun, hanya seorang sahaja yang memberikan kerjasama dalam proses pengumpulan data melalui sesi temu bual iaitu kurator muzium.

Akhir sekali, kekangan yang telah dihadapi oleh pengkaji adalah kurang mendapat sokongan dan kerjasama daripada responden untuk menjawab borang soal selidik. Oleh itu, kajian ini kekurangan jumlah responden dalam proses pengumpulan data kuantitatif. Pengkaji hanya mendapat sebanyak 148 orang responden sahaja bagi kajian soal selidik walaupun semasa membuat pengiraan sampel saiz populasi yang menggunakan Sampling Calculator memerlukan seramai 384 orang responden. Pengkaji telah menggunakan cara lain untuk menambahkan jumlah responden dengan memaparkan QR Code untuk diimbas oleh pengunjung yang datang ke Muzium Negeri, Negeri Sembilan. Namun, pengunjung

masih tidak memberikan kerjasama untuk mengimbas dan menjawab borang soal selidik tersebut.

3.8 Rumusan

Secara keseluruhannya, pengkaji telah mengenalpasti metodologi kajian yang digunakan untuk kajian ini. Metodologi juga penting dalam kajian ini kerana mendapat maklumat daripada hasil perbincangan semasa menjalankan kajian ini. Oleh itu, perbincangan dalam bab tiga ini meliputi pendekatan kaedah kuantitatif. Pengkaji menggunakan soal selidik. Pengkaji juga menggunakan teknik pengumpulan data, di mana tekni ini terdiri daripada data primer dan sekunder.

BAB EMPAT

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan hasil dapatan kajian yang dilakukan di Muzium Negeri, Negeri Sembilan untuk menganalisis tinjauan persepsi pengunjung terhadap koleksi pameran di Muzium Negeri, Negeri Sembilan. Dapatan kajian diperolehi melalui dua kaedah iaitu keadah temu bual dan pemerhatian di mana pengkaji menemubual kurator Muzium Negeri, Negeri Sembilan dan juga kaedah tinjauan yang menggunakan borang soal selidik dan diedarkan melalui “*google form*” kepada semua pengunjung. Kaedah temubual telah digunakan untuk mencapai objektif satu dan tiga manakala kaedah soal selidik digunakan untuk mencapai objektif dua dan tiga. Dapatan dari temu bual telah dianalisis menggunakan analisis tematik dan dapatan dari soal selidik telah dianalisis dengan menggunakan analisis deskriptif seperti mencari kekerapan, purata dan peratus yang ditunjukkan melalui jadual. Analisis dapatan kajian persepsi pengunjung terhadap koleksi pameran di Muzium Negeri, Negeri Sembilan diperolehi daripada beberapa soal selidik yang dibahagikan kepada enam bahagian iaitu bahagian A, B, C, D, E, dan F. Seramai 212 orang responden memberi kerjasama untuk menjawab tinjauan soal selidik ini. Bahagian A adalah berkaitan latar belakang atau demografi responden yang terdiri daripada jantina, umur, bangsa, pekerjaan dan pendidikan. Bahagian B pula merangkumi pengetahuan responden. Manakala bahagian C pula merangkumi persepsi terhadap pameran koleksi dan bahagian D persepsi terhadap susun atur dan pencahayaan. Bahagian E merangkumi persepsi terhadap maklumat dan akhir sekali pada bahagian F merangkumi

soalan penglibatan pengunjung terhadap aktiviti. Oleh itu, bab ini menerangkan tujuan tema yang telah diekstrak daripada dapatan kajian iaitu: demografi responden, pengetahuan responden mengenai Muzium Negeri, koleksi pameran yang dipamerkan di Muzium Negeri, Negeri Sembilan, persepsi pengunjung terhadap pameran koleksi, pengunjung dan aktiviti yang terdapat di muzium, persepsi pengunjung terhadap aktiviti yang disediakan, pengurusan, pemasaran dan keusahawanan dan cabaran yang dihadapi oleh pihak muzium.

4.2 Pengurusan dan Koleksi Pameran

Seterusnya, koleksi pameran yang terdapat di Muzium Negeri dibahagikan kepada enam bahagian iaitu konsep pameran, koleksi muzium, pengunjung dan aktiviti, pemasaran dan keusahawanan, cabaran dan tugas-tugas pekerja.


a) Konsep Pameran

Muzium Negeri yang terletak di Negeri Sembilan mempamerkan konsep pameran yang berkaitan dengan asal usul Negeri Sembilan mengikut urutan dan juga kronologi zaman-zaman yang pernah dilalui oleh penduduk di Negeri Sembilan ini. Menurut Informan 1 (Temubual, 13 Oktober 2022), kurator di Muzium Negeri menyatakan bahawa konsep pameran yang ditonjolkan adalah bermula dari zaman pra-sejarah, diikuti zaman orang asal yang juga dikenali sebagai Orang Asli, kemudian zaman penjajah iaitu zaman penjajahan Portugis, Belanda, Jepun dan akhir sekali zaman era selepas kemerdekaan.

b) Koleksi Muzium

Koleksi-koleksi pameran di Muzium Negeri sangat penting bagi menarik minat pengunjung untuk datang ke muzium. Menurut Informan 1 (Temubual, 13 Oktober

2022), koleksi yang terdapat di dalam muzium ialah barang-barang ataupun artifak yang mengikut zaman dan budaya ketika zaman-zaman penjajahan seperti Zaman penjajahan Portugis, Belanda, Jepun (Rajah 4.1 dan 4.3) dan juga zaman pada era selepas kemerdekaan. Ini kerana barang-barang atau artifak inilah yang menunjukkan budaya bagi sesuatu zaman. Koleksi pada zaman Orang Asli memaparkan jenis-jenis peralatan yang digunakan oleh Orang Asli. Selain itu, terdapat juga koleksi daripada zaman penghijrahan masyarakat Minangkabau ke Negeri Sembilan seperti koleksi busana, peralatan-peralatan adat dan juga artifak-artifak yang



Rajah 4.1: Pedang Samurai

Sumber: Kajian Lapangan, 2022


sinonim dengan cara hidup masyarakat Minangkabau di Negeri Sembilan. Ini kerana penduduk di Negeri Sembilan tidak boleh dipisahkan dengan adat Minangkabau dalam kehidupan masyarakatnya.

Sehubungan dengan itu, koleksi zaman penjajahan juga dipamerkan di Muzium Negeri. Semasa zaman penjajahan Portugis, terdapat koleksi yang berbentuk porselin dan juga seramik (Rajah 4.2), di mana koleksi ini dipamerkan di dalam Muzium Negeri, Negeri Sembilan. Begitu juga semasa zaman penjajahan British, di mana terdapat banyak koleksi-koleksi yang berkaitan dengan peralatan melombong bijih timah dipamerkan. Ini kerana, zaman penjajahan British lebih tertumpu kepada pembangunan ekonomi negara. Selain daripada itu dokumen dan gambar pada zaman British juga dipamerkan oleh pihak muzium seperti gambar bangunan-bangunan yang menjadi mercu tanda di Negeri Sembilan, khususnya di daerah Seremban.



Rajah 4.2: Seramik

Sumber: Kajian Lapangan, 2022



Rajah 4.3: Basikal Zaman Jepun.

Sumber: Kajian Lapangan, 2022



Rajah 4.4: Cap Mohor Diraja.


Sumber: Kajian Lapangan, 2022

Selain mempamerkan barangan mengikut zaman sebelum semasa dan selepas penjajahan. Muzium Negeri juga mempamerkan koleksi-koleksi yang berfokuskan kepada Negeri Sembilan iaitu Cop Mohor Diraja (Rajah 4.4), koleksi pakaian Yang di-Pertuan Agong pertama iaitu Tuanku Abdul Rahman dan juga manuskrip perjanjian (Rajah 4.5 dan 4.6), serta senjata-senjata tradisional yang digunakan oleh pembesar seperti lembing dan juga keris pada zaman itu.



Rajah 4.5: Manuskrip Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957

Sumber: Kajian Lapangan, 2022



Rajah 4.6: Manuskrip Perjanjian Sempadan Selangor-Sungei Ujong.

Sumber: Kajian Lapangan, 2022

c) Pengunjung dan Aktiviti

Pengunjung dan aktiviti tidak dapat dipisahkan di Muzium Negeri ini. Menurut Informan 1 (Temubual, 13 Oktober 2022), sebelum pandemik seramai 45 ribu pengunjung telah berkunjung ke Muzium Negeri ini pada tahun 2021. Terdapat banyak aktiviti fizikal dilakukan seperti kuiz mengikut peringkat umur, demonstrasi permainan tradisional termasuk juga sukan-sukan rakyat dilakukan di Muzium Negeri. Selain daripada itu, aktiviti makan beradab dan juga makan bersilo dijalankan di perkarangan rumah contoh iaitu Istana Ampang Tinggi di mana pengunjung boleh memilih tiga pilihan menu seperti gulai kambing, daging salai ataupun ikan semilang berlado.

d) Pemasaran dan Keusahawanan

Bagi pemasaran dan keusahawanan pula, menurut Informan 1 (Temu bual, 13 Oktober 2022) menyatakan bahawa mereka menggunakan media sosial ketika era pandemik, sebagai salah satu cara mempromosikan aktiviti di Muzium Negeri pada musim Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) lebih kurang dua ribu pengikut mengikut program yang mereka lakukan di dalam media sosial. Menurut Jerome Mc.Carthy (1993), promosi merupakan sesuatu komunikasi informasi di antara organisasi dengan masyarakat setempat bagi mengubah tingkah laku dan juga sikap daripada tidak mengetahui tentang sesuatu, kemudian menjadi sesuatu yang tetap dalam ingatan. Promosi merupakan salah satu elemen yang penting dalam pemasaran dan juga keusahawanan. Menurut Informan 1 (Temu Bual, 13 Oktober 2022), pemasaran dan keusahawanan yang terdapat dalam Muzium Negeri, Negeri Sembilan adalah penawaran pakej makan, seperti pakej makan beradab, makan bersilo merupakan simbolik kepada Negeri Sembilan. Terdapat lauk-pauk yang berasaskan Negeri Sembilan iaitu Gulai Masak Lomak.

e) Cabaran yang dihadapi oleh muzium

Sudah menjadi lumrah dalam kehidupan bahawa setiap perkara yang dirancang akan disulami dengan pelbagai cabaran dan juga kekangan. Terdapat beberapa cabaran yang telah dikenalpasti dalam Muzium Negeri, Negeri Sembilan ini. Menurut Informan 1 (Temu bual 13 Oktober 2022), muzium ini kekurangan tenaga pakar dalam bidang konservasi. Hal ini kerana, koleksi-koleksi yang melibatkan kayu, tekstil dan lain-lain yang ada dalam muzium akan dihantar kepada bahagian konservasi di Muzium Negara. Selain itu, koleksi-koleksi pameran tidak banyak

seperti koleksi pameran di Muzium Negara, Muzium Melaka dan Muzium Terengganu. Hal ini kerana, premis Muzium Negeri, Negeri Sembilan agak kecil dan kakitangan-kakitangan muzium tidak dapat mencari koleksi-koleksi yang luar biasa ataupun yang unik kerana ianya adalah agak susah. Oleh itu, koleksi yang dipamerkan di dalam Muzium Negeri ini adalah sebahagian kecil yang pihak muzium peroleh daripada sumber pinjaman, pemberian dan lain-lain.

f) Tugas-tugas Pekerja Muzium

Dalam sesebuah organisasi, pengurusan memainkan peranan penting dalam mencorak matlamat sesebuah organisasi. Menurut Fauzi (2008), pengurusan adalah pentadbiran dan konsep pengurusan. Antaranya ialah asas pengurusan organisasi dan tatacara atau garis panduan dalam pengurusan bagi mencapai sesuatu matlamat dan juga objektif sesebuah organisasi itu. Tugas-tugas bagi pekerja muzium juga memerlukan organisasi. Menurut Informan 1 (Temu bual 13 Oktober 2022), tugas-tugas pekerja di dalam Muzium Negeri, Negeri Sembilan adalah memantau koleksi-koleksi yang ada samaada di dalam pameran mahupun di dalam stor muzium. terdapat juga tugas-tugas kakitangan muzium yang mempunyai kepakaran untuk membuat konservasi sesebuah koleksi seperti koleksi yang mempunyai kerosakan pada bahan seperti koleksi yang diperbuat daripada kayu atau tembaga.

4.3 Demografi Responden

Bahagian ini menghuraikan mengenai latar belakang responden daripada aspek jantina, umur, bangsa, pekerjaan dan tahap pendidikan responden yang ditunjukkan dalam bentuk jadual seperti berikut:

A) Jantina Responden

Jadual 4.1: Taburan Responden Mengikut Jantina

Sumber: (Kajian Lapangan 2022)

Jantina	Bilangan	Peratus
Lelaki	39	26.35%
Perempuan	109	73.65%

Jadual 4.1 menunjukkan taburan responden mengikut jantina. Majoriti responden yang mengambil bahagian dalam kajian lapangan ini adalah perempuan iaitu sebanyak 73.65% (109 orang), manakala selebihnya adalah lelaki sebanyak 26.35% (39 orang).

B) Umur Responden

Jadual 4.2: Taburan Responden Mengikut Umur

Sumber: (Kajian Lapangan 2022)

Umur	Bilangan	Peratus
19 tahun ke bawah	10	6.76%
20-29 tahun	96	64.86%
30-39 tahun	31	20.95%
40-49 tahun	5	3.38%
50-59 tahun	5	3.38%
60 tahun ke atas	1	0.66%

Jadual 4.2 menunjukkan taburan responden mengikut umur. Terdapat enam kategori peringkat umur iaitu 19 tahun ke bawah, 20 hingga 29 tahun, 30 hingga 39 tahun, 40 hingga 49 tahun, 50 hingga 59 tahun dan akhir sekali 60 tahun ke atas. Majoriti responden yang mengambil bahagian dalam kajian lapangan ini adalah di kalangan umur 20 hingga 29 tahun iaitu sebanyak 64.86% (n: 96), diikuti responden berusia antara 30 hingga 39 tahun iaitu sebanyak 20.95% (n: 31), responden berusia 19 tahun ke bawah sebanyak 6.76% (n: 10). Manakala, responden berumur 40 hingga 49 tahun sebanyak 3.38% (n: 5), 50 hingga 59 tahun sebanyak 3.38% (n: 5) dan hanya 0.66% (n: 1) responden berumur 60 tahun ke atas yang memberikan kerjasama dalam kajian ini.

C) Pekerjaan Responden

Jadual 4.3: Taburan Responden Mengikut Sektor Pekerjaan

Sumber: (Kajian Lapangan 2022)

Pekerjaan	Bilangan	Peratus
Sektor Kerajaan	31	20.95%
Sektor Swasta	34	22.97%
Pelajar	75	50.68%
Lain-lain	8	5.41%

Jadual 4.3 menunjukkan taburan responden mengikut sektor pekerjaan. Majoriti responden adalah daripada golongan pelajar dengan peratusan sebanyak 50.68% (n: 75), diikuti sektor swasta 22.97% (n: 34) dan sektor kerajaan dengan peratusan sebanyak 20.95% (n: 31). Manakala, lain-lain seperti pesara dan suri rumah adalah sebanyak 5.41% (n: 8).

D) Responden Mengikut Negeri

Jadual 4.4: Taburan Responden Mengikut Negeri

Sumber: (Kajian Lapangan 2022)

Negeri	Bilangan	Peratus
Negeri Sembilan	36	24.32%
Selangor	32	21.62%
Kuala Lumpur	19	12.84%
Melaka	3	2.03%
Johor	20	13.51%
Pahang	2	1.35%
Perak	6	4.05%
Pulau Pinang	4	2.70%
Kedah	6	4.05%
Perlis	0	0%
Kelantan	10	6.76%
Terengganu	6	4.05%
Sabah	0	0%
Sarawak	3	2.03%
Lain-lain	1	0.66%

Jadual 4.4 adalah mengenai taburan responden mengikut negeri. Seramai 24.32% (n: 36) responden adalah terdiri daripada responden yang berasal dari Negeri Sembilan, diikuti Selangor 21.62% (n: 32), Kuala Lumpur 12.84% (n: 19), Melaka 2.03% (n: 3), Johor

13.51% (n: 20), Pahang 1.35% (n:2), Perak 4.05% (n: 6), Pulau Pinang 2.70% (n: 4). Manakala responden dari Kedah sebanyak 4.05% (n: 6), Kelantan 6.76% (n: 10), Terengganu 4.05% (n: 6), Sarawak 2.03% (n: 3) dan untuk lain-lain dari Indonesia sebanyak 0.66% (n: 1).

E) Responden mengikut Bangsa.

Jadual 4.5: Taburan Responden Mengikut Bangsa

Sumber: (Kajian Lapangan 2022)

Bangsa	Bilangan	Peratus
Melayu	138	93.24%
Cina	2	1.35%
India	4	2.70%
Lain-lain	4	2.70%

seterusnya, Jadual 4.5 menunjukkan taburan responden mengikut bangsa. Jumlah majoriti peratusan bangsa yang mengambil bahagian dalam kajian ini adalah berbangsa Melayu diikuti bangsa Cina, India dan lain-lain seperti yang terdapat dalam jadual di atas. Bangsa Melayu adalah sebanyak 93.24% (n: 138), Cina 1.35% (n: 2) dan India 2.70% (n: 4). Manakala lain-lain bangsa seperti Bumiputera Sarawak, Iban dan Melanau pula adalah sebanyak 2.70% (n: 4).

F) Responden mengikut Status Perkahwinan.

Jadual 4.6: Taburan Responden Mengikut Status Perkahwinan

Sumber: (Kajian Lapangan 2022)

Status	Bilangan	Peratus
Bujang	97	65.54%
Berkahwin	51	34.46%

Jadual 4.6 menunjukkan taburan responden mengikut status perkahwinan. Seramai 65.54% (n: 97) responden yang mengambil bahagian dalam kajian lapangan ini terdiri daripada golongan berstatus bujang. Manakala, selebihnya adalah golongan sudah berkahwin iaitu sebanyak 34.46% (n: 51).

4.4 Pengetahuan Responden Terhadap Muzium Negeri

Bahagian ini menghuraikan mengenai pengetahuan responden terhadap Muzium Negeri.

Jadual 4.7: Pengetahuan Responden Mengenai Dari Manakah Anda Mengetahui Kewujudan Muzium Negeri, Negeri Sembilan.

Sumber; (Kajian Lapangan 2022)

Pengetahuan Responden	Bilangan	Peratus
Media Cetak	36	17%
Media Sosial	123	58%
Media Elektronik	55	25.9%
Rakan-rakan	80	37.7%
Keluarga	57	26.9%
Saudara-mara	21	9.9%

Terdapat enam sumber maklumat yang didapati oleh responden dalam mengetahui kewujudan Muzium Negeri, Negeri Sembilan seperti Jadual 4.7. Enam kategori sumber tersebut adalah media cetak, media sosial, media elektronik, rakan-rakan, keluarga dan saudara-mara. Sebanyak 58% (n: 123) telah memilih media sosial sebagai sumber rujukan dalam mengetahui kewujudan Muzium Negeri diikuti 37.7% (n: 80) dari rakan-rakan, 26.9% (n: 57) dari keluarga, 25.9% (n: 55) dari media elektronik, 17% (n: 36) dari media cetak dan 9.9% (n: 21) dari saudara-mara. Hal ini kerana, penggunaan media sosial lebih digunakan oleh setiap golongan masyarakat tidak kira umur.

Jadual 4.8: Pengetahuan Responden Mengenai Adakah Susun Atur Pameran Koleksi di dalam Muzium Negeri disusun dengan baik

Sumber: (Kajian Lapangan 2022)

Pengetahuan Responden	Bilangan	Peratus
Ya	146	97.3%
Tidak	2	1.35%

Manakala dapatan bagi soalan adakah susun atur pameran koleksi di dalam Muzium Negeri ini disusun dengan baik sebanyak 97.3% (n: 146) bersetuju dengan susun atur pameran koleksi disusun dengan baik dan selebihnya tidak bersetuju dengan peratusan sebanyak 1.35% (n: 2).

4.5 Persepsi Pengunjung Terhadap Koleksi Pameran di Muzium Negeri, Negeri Sembilan

Kajian ini menggunakan skala likert lima mata dengan kekerapan: sangat tidak setuju (1), tidak setuju (2), sederhana (3), setuju (4) dan sangat setuju (5). Analisis dan interpretasi data skala likert adalah berdasarkan bacaan purata (mean) 1.00 – 1.80 (sangat tidak setuju), 1.90 – 2.60 (tidak setuju), 2.70 – 3.4 (sederhana), 3.5 – 4.2 (setuju), 4.3 – 5.00 (sangat setuju). Bahagian ini membincangkan mengenai persepsi pengunjung terhadap pameran koleksi, susun atur dan pencahayaan dan paparan maklumat bahan koleksi

A) Persepsi Pengunjung Terhadap Pameran Koleksi

Jadual 4.9: Persepsi Pengunjung Terhadap Pameran Koleksi

No	Persepsi Terhadap Pameran Koleksi	Purata (Mean)	Sisihan Piawaian (SD)
1.	Replika rumah Minangkabau di Muzium Negeri dapat menarik perhatian pengunjung.	4.48	0.632
2.	Pameran adat perpatih yang dipamerkan menggambarkan identiti Negeri Sembilan.	4.40	0.636
3.	Koleksi pameran yang dipamerkan dapat menambah pengetahuan mengenai adat perpatih di Negeri Sembilan.	4.38	0.684
4.	Pameran yang dipamerkan adalah mengenai sejarah di Negeri Sembilan.	4.35	0.603
5.	Koleksi pameran Muzium Negeri mampu menarik perhatian pengunjung.	4.21	0.673

Jadual 4.9 menunjukkan persepsi pengunjung terhadap pameran koleksi. Terdapat pernyataan yang diutarakan di dalam borang kajian soal selidik seperti jadual di atas. Pernyataan pertama menunjukkan bahawa responden sangat bersetuju dengan replika rumah Minangkabau di Muzium Negeri dapat menarik perhatian pengunjung dengan skor purata sebanyak 4.48 (SD 0.632), pameran adat perpatih yang dipamerkan menggambarkan identiti Negeri Sembilan dengan skor purata sebanyak 4.40 (SD 0.636), koleksi pameran yang dipamerkan dapat menambah pengetahuan mengenai adat perpatih

di Negeri Sembilan dengan skor purata sebanyak 4.38 (SD 0.684), pameran yang dipamerkan adalah mengenai sejarah di Negeri Sembilan dengan skor purata sebanyak 4.35 (SD 0.603). Manakala, terdapat responden yang hanya bersetuju bahawa koleksi pameran Muzium Negeri mampu menarik perhatian pengunjung dengan skor purata sebanyak 4.21 (SD 0.673). Oleh itu, replika rumah Minangkabau di Muzium Negeri ini dapat menarik perhatian pengunjung ketika mengunjungi Muzium Negeri, Negeri Sembilan kerana mempunyai keunikan yang tersendiri

B) Persepsi Pengunjung Terhadap Susun Atur dan Pencahayaan

Jadual 4.10: Persepsi Pengunjung Terhadap Susun Atur dan Pencahayaan

No	Persepsi Terhadap Susun Atur dan Pencahayaan	Purata (Mean)	Sisihan Piawaian (SD)
1.	Susun atur ruang pameran memberi keselesaan kepada pengunjung.	4.27	0.713
2.	Susun atur bahan koleksi dan cahaya yang digunakan menjadikan Muzium Negeri lebih menarik.	4.26	0.709
3.	Bahan koleksi pameran yang dipamerkan adalah tersusun.	4.21	0.756
4.	Cahaya yang digunakan di dalam muzium memberi keselesaan kepada pengunjung.	4.21	0.747
5.	Penggunaan cahaya yang digunakan sesuai dengan bahan pameran.	4.18	0.745

Jadual 4.10 menunjukkan persepsi pengunjung terhadap susun atur dan pencahayaan di dalam muzium. Terdapat lima pernyataan yang diutarakan di dalam borang kajian soal selidik seperti jadual di atas. Pernyataan pertama menunjukkan bahawa responden hanya bersetuju bahawa susun atur ruang pameran memberi keselesaan kepada pengunjung dengan skor purata sebanyak 4.27 (SD 0.713), susun atur bahan koleksi dan cahaya yang digunakan menjadikan Muzium Negeri lebih menarik dengan skor purata sebanyak 4.26 (SD 0.709), bahan koleksi pameran yang dipamerkan adalah tersusun dengan skor purata

sebanyak 4.21 (SD 0.756), cahaya yang digunakan di dalam muzium memberi keselesaan kepada pengunjung dengan skor purata sebanyak 4.21 (SD 0.747) dan akhir sekali penggunaan cahaya yang digunakan sesuai dengan bahan pameran dengan skor purata sebanyak 4.18 (SD 0.745). Hal ini kerana, susun atur di dalam Muzium Negeri dapat membuatkan pengunjung rasa selamat dan juga selesa kerana susun aturnya yang kemas dan juga teratur.

C) Persepsi Pengunjung Terhadap Maklumat yang Dipamerkan di dalam Muzium.

Jadual 4.11: Persepsi Terhadap Maklumat yang dipamerkan di dalam muzium

No	Persepsi Terhadap Maklumat	Purata (Mean)	Sisihan Piawaian (SD)
1.	Panel maklumat dan label maklumat pada setiap koleksi pameran mudah difahami dan jelas.	4.31	0.603
2.	Maklumat sejarah yang dipaparkan di panel maklumat mudah difahami.	4.28	0.658
3.	Maklumat sejarah yang dipaparkan di panel maklumat sangat interaktif.	4.24	0.704
4.	Layanan dan penerangan daripada kurator mengenai koleksi pameran sangat jelas.	4.17	0.766
5.	Terdapat kurator yang menerangkan setiap maklumat koleksi pameran di Muzium Negeri.	4.13	0.777

Jadual 4.11 menunjukkan persepsi pengunjung terhadap maklumat yang dipamerkan di dalam muzium. Terdapat lima pernyataan yang diutarakan di dalam borang kajian soal selidik seperti jadual di atas. Pernyataan pertama menunjukkan bahawa responden sangat bersetuju bahawa panel maklumat dan label maklumat pada setiap koleksi pameran mudah difahami dan jelas dengan skor purata sebanyak 4.31 (SD 0.603). Manakala, pernyataan

yang seterusnya menunjukkan responden hanya bersetuju bahawa maklumat sejarah yang dipaparkan di panel maklumat mudah difahami dengan skor purata sebanyak 4.28 (SD 0.658), maklumat sejarah yang dipaparkan di panel maklumat sangat interaktif dengan skor purata sebanyak 4.24 (SD 0.704), layanan dan penerangan daripada kurator mengenai koleksi pameran sangat jelas dengan skor purata sebanyak 4.17 (SD 0.766) dan akhir sekali terdapat kurator yang menerangkan setiap maklumat koleksi pameran di Muzium Negeri dengan skor purata sebanyak 4.13 (SD 0.777). Hal ini kerana, penyampaian maklumat pameran berkenaan koleksi-koleksi pameran yang terdapat di dalam muzium ini disampaikan dengan lebih jelas dan dapat memberi satu kepuasan kepada pengunjung ketika membaca.

4.6 Penglibatan Pengunjung Terhadap Aktiviti yang Disediakan di Muzium Negeri, Negeri Sembilan.

Jadual 4.12: Penglibatan Pengunjung Terhadap Aktiviti yang disediakan di Muzium

No	Penglibatan Pengunjung Terhadap Aktiviti	Purata (Mean)	Sisihan Piawaian (SD)
1.	Aktiviti yang disediakan dapat memberikan kesan yang baik terhadap pengunjung seperti menambah ilmu pengetahuan tentang sejarah Negeri Sembilan.	4.24	0.732
2.	Aktiviti yang disediakan terbuka kepada semua golongan dan peringkat umur.	4.17	0.695
3.	Aktiviti yang disediakan mudah difahami dan jelas.	4.15	0.691
4.	Aktiviti yang dijalankan bersifat mesra pengunjung.	4.14	0.771
5.	Aktiviti yang disediakan dapat menarik minat pengunjung.	4.07	0.732

Jadual 4.12 menunjukkan penglibatan pengunjung mengenai aktiviti yang disediakan di Muzium Negeri. Terdapat lima pernyataan yang diutarakan di dalam borang kajian soal selidik seperti jadual di atas. Pernyataan pertama menunjukkan bahawa responden hanya bersetuju aktiviti yang disediakan dapat memberikan kesan yang baik terhadap pengunjung seperti menambah ilmu pengetahuan tentang sejarah Negeri Sembilan dengan skor purata sebanyak 4.24 (SD 0.732), aktiviti yang disediakan terbuka kepada semua golongan dan

peringkat umur dengan skor purata sebanyak 4.17 (SD 0.695), aktiviti yang disediakan mudah difahami dan jelas dengan skor purata sebanyak 4.15 (SD 0.691), aktiviti yang dijalankan bersifat mesra pengunjung dengan skor purata sebanyak 4.14 (SD 0.771) dan akhir sekali aktiviti yang disediakan dapat menarik minat pengunjung dengan skor purata sebanyak 4.07 (SD 0.732). Oleh itu, aktiviti yang disediakan di muzium ini benar-benar memberikan kepuasan kepada pengunjung.

4.7 Rumusan

Secara keseluruhan, bab ini telah menghuraikan mengenai dapatan kajian yang telah diperolehi daripada kaedah campuran iaitu kualitatif dan kuantitatif. Hasil kajian dari kaedah kualitatif adalah melalui temu bual dengan seorang kurator Muzium Negeri. Sesi temu bual tersebut dijalankan bagi menjawab objektif kajian ini iaitu mengenalpasti koleksi pameran yang terdapat di Muzium Negeri, Negeri Sembilan. Dapatan kajian yang telah diperolehi telah pun dianalisis dan dihuraikan dalam bab ini secara lebih mendalam dan terperinci. Selain itu, hasil kajian dari kaedah kuantitatif pula adalah melakukan survei dengan menggunakan borang soal selidik dan diedarkan melalui media sosial bagi mendapatkan responden yang berkunjung ke Muzium Negeri tersebut. Melalui borang soal selidik, pengkaji telah mendapat seramai 148 orang responden. Kaedah kuantitatif ini pula adalah untuk menjawab objektif mengkaji persepsi pengunjung terhadap koleksi pameran di Muzium Negeri, Negeri Sembilan dan juga untuk objektif mengkaji penglibatan pengunjung terhadap aktiviti yang disediakan di Muzium Negeri, Negeri Sembilan.

BAB LIMA

KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.0 Pengenalan

Kajian ini telah membincangkan tentang persepsi pengunjung terhadap koleksi pameran di Muzium Negeri, Negeri Sembilan. Kajian ini telah merangkumi semua bab iaitu bab satu telah terdiri daripada pengenalan kajian yang telah dilakukan, bab dua terdiri daripada sorotan kajian oleh pengkaji-pengkaji terdahulu dan bab tiga adalah metodologi kajian yang digunakan pengkaji bagi mendapatkan data untuk penyelidikan ini. Seterusnya dalam bab empat adalah dapatan kajian yang diperolehi bagi proses-proses pengumpulan data dan akhir sekali bab lima adalah terdiri daripada kesimpulan dan cadangan bagi kesemua bab ini.

5.1 Rumusan Bab

Bab satu membincangkan tentang pengenalan kajian yang merangkumi pengenalan, latar belakang kajian, penyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian, kepentingan kajian dan kesimpulan. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan bagi menjawab tiga objektif iaitu mengenal pasti koleksi pameran yang terdapat di Muzium Negeri, Negeri Sembilan, mengkaji persepsi pengunjung terhadap koleksi pameran di Muzium Negeri, Negeri Sembilan dan mengkaji penglibatan pengunjung terhadap aktiviti yang disediakan di Muzium Negeri, Negeri Sembilan.

Selain itu, bab dua membincangkan mengenai kajian literatur dan teori persepsi. Perbincangan hasil dari kajian literatur dalam bab dua mengikut subtopik yang berkaitan dengan muzium iaitu definisi muzium, definisi warisan, jenis-jenis muzium, jenis-jenis pameran yang terdiri daripada enam iaitu pameran kontemplatif, pameran didaktik, pameran pembinaan semula, pameran berkumpulan, pameran penemuan dan akhir sekali pameran stor yang dilihat. Di samping itu, teori yang telah digunakan dalam kajian ini adalah teori persepsi daripada Fish (2010) dan Grafiyana (2015). Aplikasi teori ini dipilih kerana ianya bersesuaian dengan tajuk kajian yang dilakukan ini. Berdasarkan teori yang telah dibincangkan, dapat dirumuskan bahawa persepsi adalah sesuatu proses yang melibatkan deria manusia.

Seterusnya, bagi bab tiga pula menerangkan berkenaan dengan pendekatan yang digunakan semasa melakukan kajian ini bagi proses pengumpulan data dan kaedah analisis data. Pendekatan kajian yang digunakan adalah pendekatan campuran iaitu kaedah kualitatif dan kaedah kuantitatif. Bagi kaedah kualitatif, pengkaji telah menemubual bersama informan dan pemerhatian. Manakala, bagi kaedah kuantitatif pula, pengkaji menggunakan survei dan mengedarkan borang soal selidik berbentuk “*Google Form*” dan pengkaji telah mengedarkan melalui aplikasi “*Whatsapp*” dan “*Instagram*”. Tambahan pula, pengkaji juga menggunakan data daripada data primer dan data sekunder bagi pengumpulan data. Akhir sekali, kaedah analisis data turut diterangkan di dalam bab ini dan analisis yang digunakan oleh pengkaji adalah analisis tematik dan analisis deskriptif.

Akhir sekali, bab empat dalam kajian ini membincangkan hasil dapatan kajian yang telah diperolehi dari kajian lapangan. Dapatan yang diperolehi adalah berdasarkan objektif kajian ini iaitu koleksi pameran yang terdapat di Muzium Negeri, Negeri Sembilan,

persepsi pengunjung terhadap koleksi pameran di Muzium Negeri, Negeri Sembilan dan penglibatan pengunjung terhadap aktiviti yang disediakan di Muzium Negeri, Negeri Sembilan. Tambahan pula, dalam bab empat ini juga terdapat dapatan baharu berkaitan dengan muzium seperti cabaran yang dihadapi oleh Muzium Negeri, Negeri Sembilan dan pemasaran dan keusahawanan.

5.2 Dapatan Utama

Dapatan utama bagi kajian ini adalah mengenai hubungan di antara koleksi pameran dan pengunjung di Muzium Negeri, Negeri Sembilan. Kajian ini telah mendapati bahawa pengunjung tertarik dengan koleksi pameran dan aktiviti-aktiviti yang disediakan di Muzium Negeri, Negeri Sembilan. Hal ini kerana, majoriti pengunjung telah bersetuju dengan kenyataan mengenai persepsi terhadap koleksi pameran bahawa replika rumah Minangkabau di Muzium Negeri dapat menarik perhatian pengunjung. Di samping itu, penglibatan pengunjung terhadap aktiviti yang disediakan di Muzium Negeri juga mendapat maklum balas yang positif daripada pengunjung kerana kebanyakan pengunjung bersetuju dengan aktiviti yang telah disediakan di Muzium Negeri, Negeri Sembilan.

MALAYSIA

KELANTAN

5.3 Cadangan

Muzium merupakan sebuah langkah yang relevan perlu dibuat selari dengan usaha memelihara warisan negara samaada warisan ketara “*tangible*” dan juga warisan tidak ketara “*intangible*”. Pengkaji mengharapkan kepada kajian masa hadapan melakukan pembaharuan yang lebih menarik terhadap koleksi pameran di Muzium Negeri, Negeri Sembilan supaya kajian ini dapat dijadikan sebagai rujukan kepada pengkaji akan datang.

Selain itu, pengkaji mencadangkan bahawa pihak muzium haruslah menambah baik dalam sistem pengaplikasian digital. Hal ini kerana, pihak muzium haruslah sentiasa mengemaskini laman sesawang milik muzium seperti laman web rasmi, “*facebook*” untuk memudahkan pengunjung mendapatkan maklumat mengenai Muzium Negeri, Negeri Sembilan. Dengan adanya aplikasi yang sudah dikemas kini dapat memudahkan pengunjung untuk mencari maklumat mengenai Muzium Negeri tanpa berkunjung ke Muzium.

RUJUKAN

Ambrose, T. & Paine, C. (2018). *Museum Basics*. London: Routledge Taylor & Francis.

Christian, W. (2006). Museums for Visitors: Audience Development: A crucial Role for Successful Museum Management Strategies. INTERCOM: International Committee on Management 2006 Conference. Taipei, Taiwan: The International Council of Museums.

Creswell, J.W. (2014). *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches*.

Gilmore, A. & Rentschler, R. (2002). Changes in Museum Management: A Custodial or Marketing Emphasis. *Journal of Management Development*, 21(10), 745-760.

ICOM. International Council of Museums. (2007 Ogos 24). *Museum Definition*.

<https://icom.museum/en/resources/standards-guidelines/museum-definition/>.

Jalal, A. Rahim, R. Broughton, M, & Alias, A. (2019). *Muzium Dan Kedaulatan Institusi Beraja di Malaysia*.

<http://journal.kuim.edu.my/index.php/JULWAN/article/view/666>.

Kamus Dewan Edisi Keempat (2007). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan

Bahasa dan Pustaka.

Kechot, S, Hassan, Z, & Yunos, Y., (2010). Proses Pendidikan Muzium: Satu Kajian Awal.

<http://journalarticle.ukm.my/3033/>.

Lakassa, N. (2007). *Kajian Pengurusan Koleksi Zoologi Di Muzium Sarawak*.

Lembaga Muzium Negeri Sembilan. (2022). *Muzium-Muzium di Negeri Sembilan*.

Diakses daripada

<https://lmns.ns.gov.my/en/kunjungi-muzium/rangkaian-muzium/muzium-negeri-seremban>.

Lembaga Muzium Negeri Terengganu. (2022). *Apa itu Muzium*. Diakses daripada

<https://museum.terengganu.gov.my/index.php/muzium/apa-itu-muzium>

Macdonald, S. (2011). *A Companion to Museum Studies*. United States: Blackwell Publishing.

Minto Rahayu, S.S.M.Si. dan Akhmad Amiudin. (2013). *Kajian Kebahasaan Terhadap Peristilahan Internet*.

Othman Yatim (2005). *Syarahan Perdana Pembudayaan Muzium, Pelestarian Warisan dan Pembinaan Bangsa*. Kuala Lumpur: Muzium Seni Asia, Universiti Malaya.

Ranjit Kumar. (2011). *Research Methodology: A Step-by-Step Guide for Beginners*. SAGE Publications.

Sabitha Marican. (2005). *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Malaysia. Pearson, Prentice Hall.

ShawHong, S. (2020). *Museums and Tourism: Reengineering the Role of Museums in Malaysia's*

Cultural Heritage Tourism.

Suhaimin, K. (2015). *Pengurusan Penjagaan Koleksi Warisan Islam Di Muzium Warisan Islam Sarawak*. <https://ir.unimas.my/id/eprint/19837/>.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN